

Cederakan rakan, lelaki dipenjara sehari dan didenda RM3,500

KUCHING: Seorang lelaki dipenjara sehari dan didenda RM3,500 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam akibat mencederakan kenalan menggunakan sebatang kayu, minggu lalu.

Majistret Ling Hui Chuan juga memerintahkan Airwandy Kusin, 43, yang mengaku bersalah apabila didakwa di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan, untuk dipenjara empat bulan sekiranya gagal membayar denda.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu terhadap mangsa lelaki (pengadu) berusia 38 tahun pada 11 September 2024, sekitar jam 10 pagi di Kampung Bako Lot, Jalan Haruan di sini.

Fakta kes mendedahkan semasa pengadu sedang

tidur di ruang tamu rumah kawannya, tertuduh datang dan memukul bahagian muka mangsa menggunakan sebatang kayu.

Pengadu kemudian membuat laporan polis dan ini membawa kepada penangkapan tertuduh.

Hasil siasatan mendapati tertuduh dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap mangsa, malah kejadian turut disaksikan oleh seorang lelaki lain.

Proses kawad cam yang

dijalankan oleh pengadu terhadap tertuduh juga adalah positif dan doktor Hospital Umum Sarawak (HUS) turut mengesahkan mangsa mengalami kecederaan akibat kejadian terbabit.

Difahamkan, tertuduh bertindak demikian selepas tidak berpuas hati apabila dituduh mencuri ikan.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim sementara tertuduh tidak diwakili peguam.